

Tunku Azizah bakal dimasyhurkan pada 29 Januari ini di Istana Abu Bakar Pekan

Tengku Ampuan Pahang baharu

PEKAN — Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dilantik menjadi Tengku Ampuan Pahang.

Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bertitah, perkara itu diputuskan baginda pada mesyuarat Jumaah Pangkuhan Diraja Pahang yang diadakan di Pejabat Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP), di sini semalam.

Mesyuarat juga dimaklumkan tentang hasrat baginda melantik Tengku Panglima Besar Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah menjadi Tengku Mahkota Pahang yang baharu.

"Istiadat pemasyhuran akan diadakan pada 29 Januari ini di Balairung Seri Istana Abu Bakar Pekan," titah baginda ketika berkenan menemui media selepas mempergerusikan Mesyuarat Jumaah Pangkuhan Diraja Pahang.

Hadir sama, Tengku Arif Temenggong Pahang, Tengku Fahd Mu'adzam Shah Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Menurut baginda, gelaran Tengku Ampuan Pahang dan Tengku Mahkota

itu seelok-eloknya digunakan selepas istiadat pemasyhuran nanti.

"Tengku Hassanal akan pulang (pada 28 Januari), dan akan dimasyhurkan, kembali semula ke UK dan tamat pengajian hingga hujung tahun ini," titah baginda.

Mengenai jawatan Tengku Panglima Besar yang disandang oleh Tengku Hassanal sebelum ini, Al-Sultan Abdullah bertitah jawatan itu akan dikosongkan sementara dan baginda akan mengenal pasti calon yang sesuai nanti.

Apabila ditanya pemberita tentang harapan baginda terhadap Tengku Hassanal yang akan dimasyhur menjadi Tengku Mahkota Pahang nanti, baginda bertitah:

"Semua anggota keluarga dan rakyat Pahang khususnya dia (Tengku Hassanal) dapat memamerkan satu watak yang baik dan boleh menjadi seorang pemimpin kepada rakyat negeri Pahang."

"Sama-sama lah kita beri tunjuk ajar kepada orang muda ini," titah baginda.

Sultan Pahang keenam itu turut memaklumkan akan menghadiri mesyuarat khas Majlis Raja-Raja yang akan berlangsung pada Khamis ini di ibu negara, yang diadakan bagi memilih Yang di-Pertuan Agong yang baharu.



AL-SULTAN ABDULLAH memutuskan untuk melantik Tunku Azizah Aminah (kanan) sebagai Tengku Ampuan Pahang yang baharu.



TENGKU HASANAL IBRAHIM